

# Tarikh tutup permohonan UA dilanjut

Kementerian Pengajian Tinggi setuju tarikh ditunda dari 7 April ke 17 April

**Putrajaya:** Kementerian Pengajian Tinggi semalam, melanjutkan tempoh tarikh tutup permohonan kemasukan pelajar ke Universiti Awam (UA) dan institusi pendidikan tinggi dan kemahiran di bawahnya.

Menterinya, Datuk Dr Noraini Ahmad, berkata kementerian itu bersetuju melanjutkan tarikh tutup permohonan kepada 17 April daripada 7 April sebelum ini.

Beliau berkata, pihaknya memahami sepanjang tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pemohon lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) sukar mendapatkan akses internet.

Beliau berkata, lanjutan tarikh tutup permohonan itu turut membabitkan Institut Pendidikan Guru (IPG), Kolej Matriku-

lasi, Politeknik, Kolej Komuniti dan Institusi Latihan Kemahiran Awam (ILKA).

"Hari terakhir bagi pemohon membeli nombor unik ID di Bank Simparian Nasional (BSN) bagi tujuan permohonan adalah pada 16 April ini," katanya melalui kenyataan akhbar semalam.

Noraini juga berkata, hebahan keputusan permohonan matrikulasi, politeknik, kolej komuniti dan ILKA dijangka akan diumumkan pada 3 Jun ini, manakala

keputusan permohonan calon STPM/setaraf bagi kemasukan ke program Ijazah Sarjana Muda ke UA akan diumumkan pada 18 Ogos ini," katanya.

Sebarang maklumat terkini atau pertanyaan, pemohon juga boleh melayari laman rasmi Facebook UPU di <https://www.facebook.com/UPUonlineBPKPJPT/> atau tontoni Facebook Live yang diadakan setiap hari sehingga 14 April ini, mulai jam 10 hingga 11 pagi dan 3 hingga 4 petang.



**Kementerian Pengajian Tinggi** memahami masalah dihadapi pemohon SPM dan STPM berikutan tempoh pelaksanaan PKP.  
(Foto hiasan)